

KESEDARAN DAN PEMAHAMAN BELIA TERHADAP PERANAN MAHKAMAH ANAK NEGERI SABAH DI KOTA MARUDU

(YOUTH AWARENESS AND UNDERSTANDING OF THE ROLE OF THE SABAH NATIVE COURT IN KOTA MARUDU)

MAHAP, M.¹ – JOHNES, J.^{2,3} – HUSSIN, R.^{3*}

¹ *Yayasan Anak Negeri, Sabah, Malaysia.*

² *Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia.*

³ *Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia.*

**Penulis penghubung
e-mail: azzs[at]ums.edu.my*

(Received 20th December 2025; revised 21st March 2026; accepted 03rd April 2026)

Abstrak. Kajian ini meneliti tahap kesedaran dan pemahaman belia terhadap peranan Mahkamah Anak Negeri Sabah (MAN) di Kota Marudu. Fokus utama kajian ialah jurang antara kesedaran permukaan dengan pemahaman fungsional, iaitu sama ada belia hanya mengetahui kewujudan MAN atau benar-benar memahami fungsi, bidang kuasa, saluran rujukan dan kedudukannya sebagai institusi adat. Kajian menggunakan reka bentuk kajian kes dengan pendekatan kaedah campuran yang melibatkan 100 responden belia, 12 temu bual mendalam dan tujuh sesi perbincangan kumpulan fokus. Dapatan menunjukkan 99.0% responden pernah mendengar tentang MAN dan 78.0% berada pada tahap sedar atau sangat sedar terhadap kewujudannya di Kota Marudu. Namun, hanya 58.0% menyatakan maklumat yang diterima membantu mereka memahami undang-undang adat, manakala 45.0% tidak pernah menerima pendedahan tentang undang-undang adat. Sekolah dan universiti menjadi saluran utama pendedahan awal, tetapi pendedahan tersebut masih bersifat umum. Kajian ini merumuskan bahawa kelestarian MAN memerlukan peralihan daripada promosi kesedaran kepada pembinaan literasi institusi adat yang lebih aplikatif, berasaskan senario kes dan dekat dengan pengalaman belia.

Katakunci: *belia, Mahkamah Anak Negeri, undang-undang adat, literasi institusi, Kota Marudu*

Abstract. This study examines youth awareness and understanding of the role of the Sabah Native Court (Mahkamah Anak Negeri, MAN) in Kota Marudu. Its main focus is the gap between surface awareness and functional understanding, namely whether young people merely know of MAN's existence or understand its functions, jurisdiction, access pathways and position as a customary institution. The study employed a case study design and a mixed-methods approach involving 100 youth respondents, 12 in-depth interviews and seven focus group discussions. The findings show that 99.0% of respondents had heard of MAN and 78.0% were aware or highly aware of its existence in Kota Marudu. However, only 58.0% stated that the information they received helped them understand customary law, while 45.0% had never received exposure to customary law. Schools and universities were the dominant channels of early exposure, yet such exposure remained general. This study concludes that the sustainability of MAN requires a shift from awareness promotion to the development of applied, scenario-based and youth-friendly customary institutional literacy.

Keywords: *youth, Native Court, customary law, institutional literacy, Kota Marudu*

Pengenalan

Warisan budaya dan institusi adat kini berhadapan perubahan yang semakin kompleks akibat globalisasi, urbanisasi, mobiliti sosial dan dominasi media digital dalam kehidupan generasi muda. Dalam konteks pengurusan warisan, belia tidak lagi

wajar dilihat sekadar sebagai penerima pasif, sebaliknya sebagai aktor sosial yang menentukan sama ada sesuatu institusi tradisional terus difahami, digunakan dan diwariskan. Zhang et al. (2024) menegaskan bahawa penglibatan belia dalam warisan perlu melibatkan proses pembentukan makna, perlindungan nilai dan penyertaan aktif, bukan sekadar kehadiran dalam program kesedaran. Pada peringkat dasar, hubungan antara pembangunan belia dengan kelestarian budaya turut diberi penekanan melalui Dasar Belia Malaysia dan Dasar Kebudayaan Negara 2021. KBSM (2015) menekankan pembangunan jati diri, kepimpinan dan potensi belia, manakala KPSBM (2021) memberi tumpuan kepada pemuliharaan, pengukuhan dan penyemarakan warisan budaya. Kedua-dua dasar ini menunjukkan bahawa kesedaran belia terhadap institusi adat bukan isu sampingan, tetapi sebahagian daripada agenda pembangunan komuniti dan identiti nasional.

Dalam konteks Sabah, Mahkamah Anak Negeri Sabah (MAN) mempunyai kedudukan yang khusus kerana institusi ini mengurus hal ehwal adat, bidang kuasa adat dan penyelesaian pertikaian komuniti di bawah Native Courts Enactment 1992. Kajian Yusof et al. (2024) menunjukkan bahawa MAN meliputi urusan sosial dan adat seperti pelanggaran adat, perkahwinan, perceraian, pengangkatan dan pusaka. Hussin et al. (2021) pula menjelaskan bahawa cabaran tadbir urus MAN berkait rapat dengan struktur institusi, sumber, pengurusan dan tahap keterlihatan sosialnya dalam komuniti. Kota Marudu dipilih sebagai kawasan kajian kerana daerah ini mempunyai jaringan komuniti orang asal yang masih signifikan. JPM (2022) merekodkan Kota Marudu sebagai daerah yang majoriti penduduknya terdiri daripada Bumiputera, sekali gus menjadikannya sesuai untuk meneliti hubungan antara belia, adat dan institusi komuniti. Kajian ini tidak menumpukan pengaruh teknologi atau strategi integrasi secara umum, sebaliknya memusatkan perhatian kepada persoalan asas tentang tahap kesedaran, sumber pendedahan dan kedalaman pemahaman belia terhadap MAN.

Latar belakang kajian dan objektif kajian

Literatur tentang belia dan warisan menunjukkan bahawa pengetahuan budaya tidak semestinya berkembang hanya kerana wujud sikap positif terhadap warisan. Juanis et al. (2022) mendapati belia Dusun mempunyai sikap yang positif terhadap warisan budaya tidak ketara, namun tahap pengetahuan dan amalan masih sederhana. Corak yang hampir sama ditunjukkan oleh Menkshi et al. (2021), iaitu penglibatan belia dalam pemeliharaan warisan memerlukan sokongan institusi, pendidikan tersusun dan hubungan yang jelas dengan kehidupan harian. Dalam pendidikan warisan, Orphanidou et al. (2024) menegaskan bahawa pembelajaran berasaskan pengalaman lebih berkesan berbanding penyampaian maklumat umum. Zheng dan Guo (2024) pula menekankan bahawa pembinaan identiti budaya perlu bermula secara bertahap melalui pendidikan yang mempunyai struktur dan konteks. Bagi institusi adat seperti MAN, prinsip ini sangat penting kerana belia bukan sahaja perlu mengetahui nama institusi, tetapi juga perlu memahami fungsi, prosedur, bidang kuasa dan nilai sosial di sebaliknya.

Pemindahan pengetahuan antara generasi turut menjadi asas kelangsungan adat. Radzuan (2023) menunjukkan bahawa pengetahuan adat tidak berpindah secara automatik, sebaliknya memerlukan mekanisme sosial yang aktif melalui keluarga dan komuniti. Dapatan Young (2025) dan McMahan et al. (2024) memperkukuh hujah ini apabila menunjukkan kepentingan bimbingan, pengalaman budaya dan interaksi antara generasi. Dalam konteks MAN, kegagalan memindahkan pengetahuan tersebut akan menyebabkan kesedaran belia kekal pada tahap permukaan. Media digital boleh

membantu meningkatkan keterlihatan institusi adat, namun Yao (2025) mengingatkan bahawa ruang digital juga membentuk identiti budaya secara selektif. Lin et al. (2024) menunjukkan bahawa teknologi pendidikan dan gamifikasi dapat meningkatkan kesedaran warisan apabila kandungan direka secara interaktif. Justeru, isu utama bukan semata-mata sama ada belia pernah mendengar tentang MAN, tetapi sama ada pendedahan tersebut berjaya menukar pengetahuan umum kepada literasi institusi yang boleh digunakan dalam kehidupan komuniti. Objektif kajian ini adalah untuk menilai tahap kesedaran dan pemahaman belia terhadap peranan MAN di Kota Marudu, mengenal pasti saluran pendedahan utama yang membentuk pengetahuan mereka, serta menghuraikan jurang antara kesedaran umum dengan pemahaman fungsional terhadap institusi adat tersebut.

Instrumen dan Metod Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes dengan Daerah Kota Marudu sebagai unit kes utama. Pendekatan kaedah campuran digunakan untuk menggabungkan kekuatan data kuantitatif dan kualitatif. Komponen kuantitatif dilaksanakan melalui soal selidik berstruktur kepada 100 orang belia orang asal Sabah berumur antara 18 hingga 40 tahun. Instrumen diedarkan melalui Google Form, perhubungan komuniti dan bantuan pembantu lapangan sepanjang April hingga Jun 2025. Komponen kualitatif melibatkan 12 temu bual mendalam serta tujuh sesi perbincangan kumpulan fokus dengan belia, golongan dewasa, pemimpin komuniti dan individu yang mempunyai pengetahuan berkaitan adat serta institusi MAN. Kerja lapangan dijalankan dalam dua fasa, iaitu pada 13 hingga 14 April 2025 dan 7 hingga 9 Mei 2025. Data soal selidik dianalisis secara deskriptif menggunakan frekuensi dan peratus, manakala data temu bual serta FGD dianalisis secara tematik bagi mengenal pasti tema kesedaran, pemahaman, pendedahan dan keterlihatan institusi (*Jadual 1*).

Jadual 1. Ringkasan metodologi kajian.

Komponen	Kaedah pelaksanaan	Jumlah responden/informan	Tempoh
Kuantitatif	Soal selidik berstruktur melalui Google Form dan bantuan komuniti/pembantu lapangan	100 orang belia	April–Jun 2025
Kualitatif 1	Temu bual mendalam secara bersemuka dan temu janji terancang	12 orang	13–14 April 2025; 7–9 Mei 2025
Kualitatif 2	Perbincangan kumpulan fokus (FGD)	7 sesi / 26 peserta	13–14 April 2025; 7–9 Mei 2025

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Jadual 2 menunjukkan bahawa kesedaran awal belia terhadap MAN adalah tinggi. Sebanyak 99.0% responden pernah mendengar tentang MAN, manakala 78.0% berada pada tahap sedar atau sangat sedar terhadap kewujudannya di Kota Marudu. Dapatan ini menunjukkan bahawa MAN bukan institusi yang asing dalam imaginasi sosial belia. Walau bagaimanapun, kesedaran ini tidak semestinya membawa maksud bahawa belia memahami fungsi, bidang kuasa atau saluran rujukan institusi tersebut secara mendalam. Data kuantitatif memperlihatkan sekolah sebagai saluran pertama paling dominan, iaitu 50.0%, diikuti pendedahan sejak kecil sebanyak 25.0% dan media sosial sebanyak 16.0%. Sumber maklumat utama pula ialah sekolah atau universiti (49.0%), komuniti atau program (31.0%), keluarga (30.0%) dan media sosial (26.0%). Pola ini menunjukkan bahawa pembinaan kesedaran belia terhadap MAN sebenarnya bersifat

pelbagai saluran, namun institusi pendidikan masih menjadi pintu masuk paling penting kepada pengetahuan awal. Namun begitu, tahap pemahaman fungsional masih belum memadai. Hanya 58.0% responden menyatakan maklumat tentang MAN membantu mereka memahami undang-undang adat, sementara 36.0% tidak pasti dan 6.0% menyatakan tidak. Lebih penting, 45.0% responden tidak pernah menerima pendedahan kepada undang-undang adat. Jurang ini menunjukkan bahawa pendidikan dan maklumat sedia ada lebih berjaya memperkenalkan kewujudan MAN berbanding menjelaskan peranan, proses dan nilai institusi tersebut dalam penyelesaian masalah komuniti.

Jadual 2. Ringkasan dapatan kuantitatif kesedaran, pemahaman, pendedahan dan sumber maklumat belia terhadap MAN Sabah di Kota Marudu ($n = 100$).

Dimensi	Item / Kategori	N	%
Kesedaran awal terhadap MAN	Pernah mendengar tentang MAN: Ya	99	99.0
	Pernah mendengar tentang MAN: Tidak	1	1.0
Saluran pertama mengetahui tentang MAN	Sewaktu di sekolah	50	50.0
	Sejak kecil	25	25.0
	Di media sosial	16	16.0
	Program komuniti	7	7.0
	Sewaktu bekerja	1	1.0
	Lupa sejak bila	1	1.0
Kesedaran terhadap kewujudan MAN di Kota Marudu	Sangat sedar	29	29.0
	Sedar	49	49.0
	Kurang sedar	20	20.0
	Tidak sedar langsung	2	2.0
Pemahaman terhadap maklumat tentang MAN	Ya	58	58.0
	Tidak pasti	36	36.0
	Tidak	6	6.0
Pendedahan kepada undang-undang adat	Pernah menerima pendedahan: Ya	55	55.0
	Pernah menerima pendedahan: Tidak	45	45.0
Pihak paling sesuai mendidik belia tentang MAN	Gabungan pelbagai pihak	80	80.0
	ILMAN sahaja	13	13.0
	Persatuan komuniti sahaja	3	3.0
	Pemimpin adat sahaja	2	2.0
	Guru sahaja	1	1.0
	Ibu bapa sahaja	1	1.0
Sumber utama maklumat tentang MAN	Sekolah/Universiti	49	49.0
	Komuniti/Program	31	31.0
	Keluarga	30	30.0
	Media sosial	26	26.0
	Lain-lain	3	3.0

Nota: N=Frekuensi; %=Peratusan.

Dapatan kualitatif dalam *Jadual 3* memperkukuh tafsiran bahawa belia memahami Mahkamah Anak Negeri Sabah (MAN) terutamanya melalui fungsi praktikal yang dekat dengan pengalaman komuniti, khususnya urusan perkahwinan, perceraian, harta dan penyelesaian masalah keluarga. Tafsiran ini selari dengan dapatan kuantitatif apabila 99.0% responden pernah mendengar tentang MAN dan 78.0% berada pada tahap sedar atau sangat sedar tentang kewujudan institusi tersebut di Kota Marudu. Angka ini menunjukkan bahawa MAN bukan institusi yang asing kepada belia, sebaliknya masih hadir dalam imaginasi sosial komuniti sebagai tempat rujukan apabila berlaku isu adat dan kekeluargaan. Namun begitu, apabila hanya 58.0% responden menyatakan maklumat tentang MAN benar-benar membantu mereka memahami undang-undang adat, dapatan ini memperlihatkan jurang antara kesedaran institusi dengan pemahaman substantif. Dari sudut literatur, dapatan ini menyokong Yusof et al. (2024) yang menegaskan bahawa bidang kuasa MAN meliputi urusan adat dan sosial seperti perkahwinan, perceraian, pusaka dan pelanggaran adat. Pada masa yang sama, dapatan ini memperluas hujah bahawa institusi keadilan Orang Asal perlu difahami melalui hubungan antara norma komuniti, pengiktirafan budaya dan akses keadilan,

bukan sekadar prosedur formal. Walau bagaimanapun, dapatan ini juga mencabar kecenderungan melihat MAN hanya sebagai institusi penyelesaian kes kerana kefahaman yang terlalu praktikal boleh mengecilkkan peranannya sebagai institusi legitimasi sosial, pendidikan adat dan penjaga kesinambungan nilai komuniti.

Jadual 3. Tema utama dapatan kualitatif tentang pemahaman belia terhadap MAN.

Tema utama	Ringkasan verbatian informan	Taksiran dalam dapatan kajian
MAN difahami terutamanya melalui fungsi praktikal penyelesaian masalah	“... dapat kasi selesai masalah ... perkahwinan, perceraian ...” (Informan 1, temu bual belia). “... boleh membantu ... masalah keluarga, masalah harta ... pergi Mahkamah Anak Negeri untuk selesai masalah ...” (Informan 2, temu bual belia). “... ambil sijil kahwin dan bercerai lebih mudah sedikit ...” — FGD 7, Informan 1.	MAN dilihat penting kerana fungsinya yang dekat dengan pengalaman komuniti, khususnya dalam isu keluarga, perkahwinan, perceraian dan harta. Namun, kefahaman ini masih tertumpu pada fungsi praktikal, bukan pada pemahaman institusi yang lebih luas.
Pendedahan formal tentang MAN wujud tetapi masih cetek	“... ayat itu sahaja ... lebih detail tidak dijelaskan ...” (Informan 9, golongan dewasa). “... pengetahuan umum sahaja ...” (Informan 1, temu bual belia). “... sejarah sekarang lebih exam oriented ... fungsi lebih luas lagi ...” (Informan 9, golongan dewasa).	Pendidikan formal hanya memberi pengenalan asas tentang kewujudan MAN, tetapi tidak cukup mendalam untuk membina pemahaman fungsional tentang adat, proses dan bidang kuasanya.
Pemindahan pengetahuan tentang MAN masih bergantung pada saluran tidak formal komuniti	“... sebelum ke Mahkamah Anak Negeri ... ketua kampung dululah ... baru bawa ke Mahkamah Anak Negeri ...” (Informan 9, golongan dewasa). “... ibu bapa pun kasi tahulah ...” (Informan 2, temu bual belia). “... sedikit-sedikit yang diajar dulu di sekolah ...” (Informan 1, temu bual belia).	Pengetahuan tentang MAN masih banyak diperoleh melalui keluarga, kampung dan pengalaman sosial, menunjukkan bahawa struktur komuniti kekal penting tetapi pemindahan ilmu berlaku secara tidak seragam dan tidak sistematik.
Belia kurang didedahkan secara terancang kepada fungsi dan akses institusi	“... tiada pula macam itu ... macam tidak pernah ... pihak mahkamah sendiri tidak pernah ada program ...” (Informan 1 dan Informan 2, temu bual belia). “... anak-anak muda tidak tahu apa fungsinya ...” (Informan 1, temu bual belia). “... ada yang tidak tahu tempat Mahkamah Anak Negeri itu sendiri ...” — Informan 2, temu bual belia.	Kekurangan program khusus menyebabkan belia hanya mengetahui MAN secara umum. Hal ini turut menjejaskan kefahaman fungsi, cara berurusan dan pengetahuan asas tentang lokasi fizikal institusi.
Keterlihatan MAN dalam ruang awam dan digital masih lemah, tetapi keperluan penambahbaikan telah dikenal pasti	“... tidak pernah buat pameran ...” (FGD 4, Informan 1). “... tidak aktif lah ... sosial media pun tidak ada MAN Kota Marudu ... reach orang muda ...” (Informan 3, belia). “... belum ada laman web ... dalam perancangan ...” (FGD 7, Informan 2). “... perlu pembantu ICT ... tenaga orang muda ... jawatan khas ...” (FGD 7, Informan 1 dan Informan 2).	Institusi masih lemah dari segi promosi, media sosial dan infrastruktur digital. Namun, informan sendiri telah mengenal pasti saluran penambahbaikan seperti pameran komuniti, laman web, media sosial dan sokongan ICT.

Tema kedua menunjukkan bahawa sekolah dan institusi pendidikan memang memainkan peranan penting sebagai saluran awal kesedaran, tetapi pendedahan tersebut masih bersifat umum, ringkas dan tidak mencukupi untuk membina literasi institusi adat yang mendalam. Dapatan kuantitatif memperkukuh hal ini apabila 50.0% responden menyatakan bahawa mereka mula mengetahui tentang MAN sewaktu di sekolah, manakala 49.0% pula mengenal pasti sekolah atau universiti sebagai sumber utama maklumat tentang MAN. Walaupun angka ini menunjukkan kekuatan saluran formal, data yang sama turut memperlihatkan kelemahannya kerana 36.0% responden masih

tidak pasti sama ada maklumat yang diterima membantu mereka memahami undang-undang adat, dan 45.0% pula tidak pernah menerima pendedahan khusus tentang undang-undang adat. Keadaan ini menyokong pandangan Orphanidou et al. (2024) bahawa pendidikan warisan yang berkesan tidak boleh berhenti pada penyampaian maklumat umum, tetapi perlu digabungkan dengan pengalaman pembelajaran yang kontekstual dan bermakna. Dapatan ini juga seiring dengan Zheng dan Guo (2024) yang menegaskan bahawa pencerahan identiti budaya perlu dibina secara berperingkat sejak peringkat awal, bukan melalui pendedahan sambilan yang terputus-putus. Dalam konteks kajian ini, penemuan tersebut mencabar andaian bahawa kehadiran MAN dalam kurikulum atau pengajaran sekolah secara automatik menghasilkan pemahaman belia. Sebaliknya, data menunjukkan bahawa sekolah berjaya mencipta kesedaran permukaan, tetapi belum cukup kuat untuk menjelaskan bidang kuasa, prosedur, fungsi sosial dan nilai budaya MAN secara aplikatif.

Tema ketiga memperlihatkan bahawa keluarga, ketua kampung dan pengalaman sosial komuniti masih menjadi saluran penting dalam membentuk pengetahuan belia tentang MAN. Dapatan kuantitatif menyokong tafsiran ini apabila 25.0% responden menyatakan mereka mengetahui MAN sejak kecil, 31.0% memperoleh maklumat melalui komuniti atau program, dan 30.0% memperoleh maklumat daripada keluarga. Angka ini menunjukkan bahawa ekologi pengetahuan MAN di Kota Marudu tidak hanya bergerak melalui bilik darjah, tetapi turut dipindahkan melalui jaringan sosial kampung, pengalaman keluarga dan proses rujukan adat di peringkat komuniti. Penemuan ini menyokong Radzuan (2023) yang menegaskan bahawa pengetahuan adat memerlukan mekanisme pewarisan aktif dan tidak berpindah secara automatik daripada generasi tua kepada generasi muda. Ia juga seiring dengan Young (2025) dan McMahon et al. (2024) yang menekankan kepentingan mentoring, interaksi antara generasi dan pengalaman budaya secara langsung dalam membina rasa memiliki terhadap warisan. Namun, berbanding literatur yang sering menonjolkan kekuatan saluran antara generasi, dapatan kajian ini turut menunjukkan sisi yang lebih kritikal, iaitu pemindahan tidak formal boleh menghasilkan ketidaksamaan akses. Belia yang mempunyai keluarga aktif dalam adat atau tinggal dekat dengan pemimpin komuniti mungkin menerima pendedahan lebih baik, manakala belia lain kekal dengan pengetahuan yang serpihan dan tidak lengkap. Oleh itu, saluran tidak formal perlu diperkukuh, tetapi tidak wajar dibiarkan sebagai satu-satunya mekanisme pewarisan pengetahuan MAN.

Tema keempat menegaskan bahawa masalah utama bukan semata-mata kurang minat belia, tetapi ketiadaan pendedahan terancang yang menjelaskan fungsi, prosedur, lokasi, saluran rujukan dan bentuk kes yang boleh dibawa ke MAN. Hal ini dapat dikaitkan dengan dapatan kuantitatif yang menunjukkan 55.0% responden pernah menerima pendedahan kepada undang-undang adat, tetapi 45.0% lagi tidak pernah menerima pendedahan sedemikian. Pada masa yang sama, 80.0% responden menyatakan bahawa pendidikan tentang MAN sepatutnya dilaksanakan melalui gabungan pelbagai pihak, bukan oleh satu aktor sahaja seperti guru, ibu bapa, pemimpin adat atau ILMAN secara terpisah. Dapatan ini penting kerana ia memperlihatkan bahawa belia sendiri mengiktiraf keperluan ekosistem pendidikan yang lebih kolaboratif. Penemuan ini menyokong Menkshi et al. (2021) yang menunjukkan bahawa penglibatan belia dalam warisan budaya memerlukan sokongan institusi, pendidikan tersusun dan hubungan yang jelas dengan kehidupan harian mereka. Ia juga selari dengan Zhang et al. (2024) yang menegaskan bahawa belia perlu dilibatkan sebagai peserta aktif dalam penghasilan makna dan perlindungan warisan. Dalam konteks MAN, pendedahan terancang tidak

boleh hanya berbentuk ceramah umum, tetapi perlu merangkumi simulasi kes, penerangan akses, dialog bersama pegawai adat, lawatan institusi dan bahan visual yang menerangkan fungsi MAN secara mudah. Dengan kata lain, kajian ini mencabar pendekatan kesedaran satu hala kerana bentuk pendedahan sebegitu tidak memadai untuk mengubah pengetahuan umum kepada kefahaman institusi yang boleh digunakan oleh belia dalam kehidupan sebenar.

Tema kelima memperlihatkan bahawa kelemahan keterlihatan MAN dalam ruang awam dan digital merupakan faktor penting yang menjarakkan belia daripada institusi adat. Walaupun 16.0% responden mula mengetahui MAN melalui media sosial dan 26.0% menyatakan media sosial sebagai salah satu sumber utama maklumat, data ini masih lebih rendah berbanding sekolah, komuniti dan keluarga. Hal ini menunjukkan bahawa ruang digital belum dimanfaatkan secara optimum sebagai medium pendidikan institusi adat, sedangkan generasi muda hari ini semakin banyak membina pengetahuan melalui gabungan ruang fizikal dan digital. Dapatan kualitatif yang menyebut ketiadaan pameran, kelemahan media sosial, ketiadaan laman web dan keperluan tenaga ICT memperlihatkan bahawa isu keterlihatan bukan sekadar persoalan promosi, tetapi berkait langsung dengan akses ilmu, kesahihan maklumat dan pembinaan kepercayaan belia terhadap institusi. Penemuan ini menyokong Zhang et al. (2024) yang menegaskan bahawa pendigitalan warisan hanya bermakna apabila ia membuka ruang penyertaan dan bukan sekadar penyebaran maklumat sehalu. Ia juga seiring dengan Lin et al. (2024) yang menunjukkan bahawa teknologi digital dan pendekatan interaktif boleh meningkatkan kesedaran warisan, serta Yao (2025) yang menegaskan bahawa media digital mempengaruhi pembentukan identiti budaya. Namun, dapatan kajian ini turut mengingatkan bahawa penggunaan media sosial tidak boleh berlaku secara ad hoc. MAN memerlukan strategi komunikasi yang sahih, beretika dan mesra belia supaya kandungan digital bukan sahaja menarik perhatian, tetapi juga menjelaskan fungsi institusi, bidang kuasa, prosedur rujukan dan nilai adat yang menjadi asas kewujudannya.

Secara keseluruhannya, perbincangan lima tema ini menunjukkan bahawa dapatan kualitatif dan kuantitatif saling mengukuhkan satu hujah utama, iaitu kesedaran belia terhadap MAN di Kota Marudu adalah tinggi, tetapi pemahaman institusi masih belum berkembang secara seimbang. Data kuantitatif membuktikan kewujudan kesedaran yang luas melalui angka 99.0% pernah mendengar tentang MAN dan 78.0% sedar atau sangat sedar tentang kewujudannya, manakala data kualitatif menjelaskan mengapa kesedaran tersebut belum menjadi kefahaman mendalam. Belia mengenali MAN melalui fungsi praktikal, mendapat pendedahan formal yang cetek, bergantung pada saluran tidak formal yang tidak seragam, kurang menerima program terancang dan jarang melihat MAN dalam ruang awam serta digital. Oleh itu, kajian ini menegaskan bahawa cabaran utama bukan ketiadaan kesedaran, tetapi kelemahan literasi institusi adat. Penemuan ini sekali gus menyokong dasar pembangunan belia dan kebudayaan negara yang menekankan pembinaan jati diri serta pemuliharaan warisan, namun pada masa yang sama mencabar pelaksanaan sedia ada agar lebih aplikatif, kolaboratif dan sesuai dengan ekologi komunikasi generasi muda.

Pertama, kajian ini memberi implikasi bahawa program kesedaran tentang MAN perlu dinaik taraf kepada program literasi institusi adat. Literasi tersebut perlu merangkumi pengenalan fungsi, bidang kuasa, prosedur asas, saluran rujukan, peranan ketua adat dan contoh kes yang dekat dengan pengalaman belia. Dengan cara ini, pengetahuan tentang MAN tidak berhenti pada tahap mengenali nama institusi,

sebaliknya berkembang kepada pemahaman aplikatif yang boleh digunakan dalam kehidupan komuniti. Kedua, institusi pendidikan, keluarga dan komuniti perlu disambungkan melalui modul pembelajaran yang lebih tersusun. Dapatan menunjukkan 80.0% responden berpandangan bahawa pendidikan tentang MAN perlu dilaksanakan melalui gabungan pelbagai pihak. Implikasi ini menuntut kerjasama antara sekolah, universiti, ILMAN, pemimpin adat, NGO dan keluarga agar pemindahan pengetahuan tidak berlaku secara terpecah-pecah atau bergantung pada pengalaman tidak formal semata-mata. Ketiga, MAN memerlukan strategi keterlihatan awam dan digital yang lebih sistematik. Pameran komuniti, lawatan institusi, infografik bidang kuasa, video senario kes dan laman media sosial rasmi boleh berfungsi sebagai jambatan antara institusi adat dengan belia. Implikasi ini bukan berbentuk rekomendasi program semata-mata, tetapi satu keperluan tadbir urus komunikasi bagi memastikan institusi adat terus difahami dalam ekologi maklumat generasi muda.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa belia di Kota Marudu mempunyai tahap kesedaran yang tinggi terhadap kewujudan MAN, tetapi pemahaman fungsional mereka masih belum seimbang dengan tahap kesedaran tersebut. Dapatan ini membezakan kajian ini daripada perbincangan tentang teknologi atau strategi integrasi kerana tumpuannya ialah jurang asas antara mengetahui dan memahami. Justeru, kelestarian MAN perlu diasaskan pada pembinaan literasi institusi adat yang berstruktur, aplikatif dan mesra belia agar institusi ini tidak hanya dikenali sebagai nama warisan, tetapi difahami sebagai mekanisme keadilan adat dan kesejahteraan komuniti.

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh pengarang.

Konflik Kepentingan

Pengarang mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

RUJUKAN

- [1] Hussin, R., Johnes, J., Mapjabil, J., Stephen, J. (2021): Struktural ekosistem dan tadbir urus Mahkamah Anak Negeri di Sabah. – *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 6(8): 281-292.
- [2] Jabatan Perangkaan Malaysia (JPM) (2022): Penemuan utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020: Daerah pentadbiran Kota Marudu. – Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia 214p.
- [3] Juanis, B., Saleh, Y., Ghazali, M.K.A., Mahat, H., Hashim, M., Nayan, N., Hayati, R., Kurnia, R. (2022): Knowledge, attitudes and practices of youths towards the intangible cultural heritage elements of Dusun ethnic in Malaysian environment. – *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science* 975(1): 10p.

- [4] Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (KBSM) (2015): *Dasar Belia Malaysia*. – Putrajaya: Kementerian Belia dan Sukan Malaysia 68p.
- [5] Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (KPSBM) (2021): *Dasar Kebudayaan Negara 2021*. – Putrajaya: Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia 80p.
- [6] Lin, H.C.K., Lu, L.W., Lu, R.S. (2024): Integrating digital technologies and alternate reality games for sustainable education: Enhancing cultural heritage awareness and learning engagement. – *Sustainability* 16(21): 18p.
- [7] Menkshi, E., Brahल्ली, E., Çobani, S., Shehu, D. (2021): Assessing youth engagement in the preservation and promotion of culture heritage: A case study in Korça City, Albania. – *Quaestiones Geographicae* 40(1): 109-125.
- [8] McMahon, M., Chisholm, M., Vogels, W., Modderman, C. (2024): Aboriginal youth mentoring: A pathway to leadership. – *AlterNative: An International Journal of Indigenous Peoples* 20(3): 388-396.
- [9] Orphanidou, Y., Efthymiou, L., Panayiotou, G. (2024): Cultural heritage for sustainable education amidst digitalisation. – *Sustainability* 16(4): 15p.
- [10] Radzuan, A.W. (2023): The intergenerational knowledge transfer in safeguarding the customary law of Adat Perpatih in Negeri Sembilan, Malaysia. – *Lex Humana* 15(3): 165-181.
- [11] Yao, M. (2025): The study of the effects of digital media applications in cross-cultural communication in the construction of cultural identity. – *Acta Psychologica* 258: 12p.
- [12] Young, P. (2025): Engaging youth in culture and environment: Intergenerational transmission and museum engagement in the Outer Hebrides. – *Museum International* 77(1-2): 92-105.
- [13] Yusof, K.M.A.A.K., Ikhsan, M.I., Matah, L.J. (2024): Jurisdiction of the Native Courts in Sabah. – *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 9(11): 17p.
- [14] Zhang, Y., Ikiz Kaya, D., Van Wesemael, P., Colenbrander, B.J. (2024): Youth participation in cultural heritage management: a conceptual framework. – *International Journal of Heritage Studies* 30(1): 56-80.
- [15] Zheng, R., Guo, L. (2024): Constructing the early-stage framework of cultural identity enlightenment in kindergarten heritage education. – *Sustainability* 16(21): 21p.